

Merawat KANSER dengan AIR ZAMZAM

SEKIRANYA dipelawa untuk minum air yang tersimpan ribuan tahun, mahukah anda menerima pelawaan itu? Nah... pastinya tidak! Entah sudah berapa banyak bakteria yang membiak di dalamnya. Usahkan ribuan tahun, air yang tersimpan beberapa hari sahaja sudah tidak sanggup kita minum.

Tapi ada satu air yang tersimpan beribu tahun mungkin sejak terciptanya Adam, tidak ada siapa mampu menolak apabila ditawarkan. Malah ucapan syukur dilafazkan kala menerima air itu. Itulah air zamzam, air yang mempunyai banyak keistimewaan daripada segi fizikal dan kandungan kimianya.

Sumber air zamzam telah wujud

sejak tahun 2000 Sebelum Masihi dan kisahnya disebut dalam kitab Taurat, Injil dan al-Quran. Pada hari ini, berjuta-juta orang telah meminumnya untuk merawat pelbagai penyakit dan atas dasar keagamaan. Selain diminum di kota Mekah, air zamzam juga menjadi benda wajib yang dibawa pulang oleh jemaah haji saban tahun. Bayangkan berapa banyak air yang dikeluarkan dari satu sumber itu, namun airnya tidak pernah kering.

Keunikan inilah membuatkan air zamzam menjadi bahan kajian oleh banyak penyelidik. Kajian Al-Gamal pada 2009 menyatakan bahawa air zamzam yang kita minum sekarang ialah air daripada simpanan air bawah tanah zaman kuno. Dikatakan

kali terakhir sumber zamzam diisi kembali ialah pada zaman Holocene, iaitu pada lewat kurun ke-19.

Telaga zamzam terletak kira-kira 20 meter ke timur Kaabah, dalam bandar Mekah. Bahagian barat negara Arab Saudi, di mana Mekah berada, mempunyai air yang rendah kualitinya kerana masalah kemasinan yang semakin meningkat. Dalam tempoh 20 tahun, tahap konduktiviti elektrik air di kawasan itu telah meningkat pada kadar yang membimbangkan, iaitu daripada 1.93 δ siemens/meter pada 1983 kepada 3.2 δ siemens/meter pada 2013.

Dalam satu penyelidikan yang dilakukan oleh Shomar pada 2012, berjaya menemukan maklumat

penting mengenai kedalaman dan struktur batu telaga zamzam. Mengikut perkiraannya, telaga zamzam mempunyai kedalaman 30.5 meter, di mana lapisan atas setebal 14 meter adalah bahagian berpasir dan bahagian bawahnya batu diorit setebal 17-meter. Lapisan batu telap air setebal 0.5 meter memisahkan antara dua lapisan ini. Ukur lilit bahagian dalam telaga itu ialah antara 1.08 meter hingga 2.66 meter.

Tempoh yang lama air itu berada antara lapisan batu-batuan menyebabkan air zamzam mengandungi banyak mineral. Kajian menemukan 34 elemen mineral di dalamnya. Kandungan magnesium, kalsium dan fluoridanya tinggi

daripada air biasa. Selain itu, ia turut mengandungi elemen litium, arsenik dan nitrat yang diketahui beracun, namun kadarnya adalah dalam kuantiti yang selamat untuk diminum. Bahkan kehadiran mineral inilah yang menyumbang kepada keunikan air zamzam.

Kandungan zamzam

Diriwayatkan dalam sahih Bukhari dan Muslim daripada Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Abu Zar yang semasa itu sudah tinggal di Mekah selama empat puluh hari empat puluh malam tanpa makan sedikit pun. Nabi s.a.w. berkata kepadanya, "Sesungguhnya air zamzam adalah makanan bagi yang lapar..." dalam riwayat yang lain ditambah, "...dan ubat bagi penyakit..."

Manakala Ibnu Majah dalam sunannya meriwayatkan daripada hadis Jabir bin Abdullah daripada Nabi s.a.w. bahawa baginda bersabda; "Air zamzam memberi khasiat sesuai dengan niat orang yang meminumnya."

Umat Islam minum air zamzam untuk pelbagai tujuan kerana diketahui betapa istimewa air yang mempunyai banyak khasiat. Keistimewaannya mendorong banyak kajian dilakukan mengenainya.

Namun apabila kajian ini menemukan elemen beracun, ramai

mula meragui keselamatan air ini. Analisis kimia mendapati air zamzam mempunyai kandungan natrium, kalsium, magnesium yang tinggi, garam-garam mudah larut (TDS) serta empat elemen beracun iaitu arsenik, kadmium, plumbum dan selenium. Ramai yang mula meragui, adakah air itu selamat diminum dengan adanya elemen beracun?

Bagi meredakan kebimbangan orang terhadap bahan beracun dalam air zamzam ini, penyelidik dari Universiti Raja Saudi, Fahad Al-Barakah dan Abdulrahman Al-jassas, serta Anwar Aly dari



Health-Care / Treatment

pg. 22-25

CTR No 0000 275612

HEA 2017/A01

Universiti Alexandria, Mesir mengkaji paras nitrat dan arsenik dalam air zamzam daripada pelbagai sumber dan mendapati paras bahan itu serta mineral lain dalam air tersebut, berada dalam tahap yang selamat mengikut standard WHO.

Menakutkan! Daripada kajian yang dilakukan, minum air zamzam didapati mampu mengurangkan kejadian bunuh diri, pembunuhan dan rogol. Semua itu adalah kerana kandungan lithium yang tinggi, iaitu 0.184 mg per liter dalam air zamzam. Walaupun WHO tidak menetapkan paras maksimum bahan ini, tapi kajian-kajian telah membuktikan kebaikan bahan ini dalam air minuman kerana lithium kemurungan kronik, schizophrenia, dan rawatan kecelaruan psikiatrik pada kanak-kanak.

Fluorida dalam air zamzam juga lebih tinggi daripada air dirawat. Biasanya air yang dirawat mengandungi 0.5 hingga 1.0 mg/L fluorida, tetapi air zamzam mengandungi antara 0.87 hingga 1.59 mg/L (purata 0.96 mg/L) fluorida. Sebab itulah kanak-kanak yang minum air zamzam mempunyai kadar kerosakan gigi yang rendah.

Kajian mereka yang diterbitkan

dalam *Proceedings of the International Academy of Ecology and Environmental Sciences 2016* turut mendapati sumber air zamzam bebas daripada pencemaran E.coli dan sumber mikrobiologi lain.

Penemuan ini mengesahkan kajian-kajian lain yang mendapati tidak ada bakteria yang boleh terhasil pada sumber zamzam; airnya tidak berlumut dan tidak berubah warna, rasa atau bau; dan tidak ada pertumbuhan biologi dalam telaganya.

Merawat Kanser

Sumber mineral yang banyak dalam air zamzam membolehkan ia digunakan dalam perawatan pelbagai penyakit. Antara ciri istimewa zamzam ialah kesan antiradang yang kuat, faktor nekrosis antitumor yang kuat dan kesan pada interleukin-I (ILI - kumpulan glikoprotein yang dihasilkan oleh leukosit untuk mengawal tindak balas imun).

Para penyelidik dari Universiti Raja Abdulaziz, Arab Saudi mengkaji kesan air zamzam dalam rawatan kanser kolon. Menggunakan kultur tisu kanser, mereka membandingkan kesan air zamzam yang telah diubah pH kepada 7.4 (Z1), air zamzam semula jadi yang mempunyai pH8 (Z2) dan air dirawat (yang

mempunyai pH 6.5 - 7) sebagai kawalan.


Mereka mendapati, kebolehidupan sel kanser dalam air zamzam menyusut kepada 87 peratus dan 66 peratus masing-masing dalam sampel Z1 dan Z2. Pada peringkat awal, peratusan apoptosis (kematian sel secara terancang atau 'sel yang membunuh diri' - satu mekanisme yang ada dalam kebanyakan rawatan antikanser yang membunuh sel tumor dan kanser) ialah 3.5 peratus dalam Z1, 2.8 peratus dalam Z2 berbanding 3.0 peratus dalam air kawalan. Bagaimanapun, pada peringkat akhir, kematian sel dalam Z2 meningkat kepada 4.2 peratus, jauh mengatasi dua sampel itu yang hanya mencatatkan 2.6 peratus.

Kajian mereka mendapati rawatan menggunakan air zamzam mencetuskan apoptosis dalam sel kanser usus HCT-116 tetapi tidak memberi sebarang kesan pada sel fibroblas kulit normal HSF.

Keputusan kajian ini menyokong kajian bahawa air yang mempunyai pH tinggi dan rendah potensi oksidasi mempunyai ciri antikanser, iaitu ia menyekat penularan sel dalam kanser paru-paru, menyekat pertumbuhan tumor dalam tumor melastoma dan meningkatkan laluan apoptosis mitokondria dalam sel leukemia promielositik (sel sum-sum amoeboid yang berkembang menjadi sel mielosit atau granulosit) manusia.

Kesan Kepada Penagih Dadah

Manakala sekumpulan penyelidik dari Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (UNISZA) mengkaji kesan air Zamzam dalam merawat penagih dadah. Banyak kajian menunjukkan



peranan penerima N-methyl-D-aspartate (NMDA) dalam ketahanan, ketagihan dan penarikan dadah. NMDA yang terletak dalam sel saraf merupakan penerima glutamat dan protein saluran ion yang diaktifkan bila glutamat dan glisina bergabung dengannya.

Ketika merawat ketagihan dadah, glutamat akan dibebaskan dalam otak yang merupakan tanda penarikan dadah. Semua saluran penerima NMDA tidak kompetitif telah dibuktikan mempunyai kemampuan untuk mengurangkan tanda penarikan pada tikus yang

ketagih morfin. Magnesium diketahui sebagai antagonis tidak kompetitif untuk salur penerima NMDA yang menyekat pembentukan ketahanan dan ketagihan morfin dengan bertindak balas pada tindakan glutamat.

Sungguhpun tidak ada kajian mengenai kesan magnesium kepada ketahanan dan ketagihan morfin, pengambilan magnesium secara oral didapati boleh mengurangkan sebahagian tanda penarikan kokain seperti pening dan pernafasan rendah di kalangan penagih kokain.

Kajian-kajian epidemiologi telah

menunjukkan kepentingan nisbah kalsium kepada magnesium dalam mengurangkan risiko kanser. Dalam hal ini, air zamzam mungkin sumber bermanfaat yang mengandungi kalsium dan magnesium dalam nisbah yang sewajarnya.

Selenium, arsenik dan litium juga diketahui boleh menyekat sel kanser daripada merebak. Bagaimanapun, kandungannya dalam air zamzam adalah rendah dan tidak berbahaya sekalipun ia lebih tinggi daripada sumber air lain.

Sungguhpun pengkaji tidak dapat menentukan dengan tepat komponen yang mana dalam air zamzam yang menyekat pertumbuhan sel kanser usus manusia, dianggarkan kehadiran elemen-elemen seperti litium dan arsenik dalam jumlah yang kecil serta campuran seimbang ion-ion lain serta sifat alkali semula jadi zamzam, memberikannya ciri penyembuhan. **A**

AIR ZAMZAM TERLALU SEMPURNA


PENKAKAJI air terkenal Jepun, Dr. Masaru Emoto turut mengkaji struktur kristal air zamzam. Minat Dr. Emoto untuk mengkaji struktur kristal air timbul daripada keinginannya untuk membuktikan benar atau tidak teori yang menyatakan setiap empingan salji mempunyai bentuk yang berlainan.

Cubaan Dr. Emoto untuk membekukan air zamzam tidak berjaya, sehinggalah dia melarutkan setitis air zamzam dalam 1,000 titisan air suling. Daripada uji kajiannya, dia menemukan struktur kristal yang unik, iaitu dua kristal yang bertindih.

Apabila ayat al-Quran dibacakan pada air itu, satu bentuk kristal sempurna ditemukan.

Dr. Emoto melakukan kajian selama 15 tahun terhadap air ini dan menerbitkan lima buah buku bersiri Messages From Water. Menurut pengkaji itu, penyelidikannya membuktikan bahawa air boleh berfikir, menaakul, merasa dan meluahkan dirinya.

Beliau menyatakan, kualiti dan kejernihan air zamzam tidak boleh ditandingi oleh mana-mana air di bumi ini. Sekiranya setitis air zamzam dicampurkan bersama



Crystals emerge for only twenty or thirty seconds as the temperature rises and the ice starts to melt. This short window of time gives us a glimpse into a world that is indeed magical.

1,000 titis air biasa, air biasa itu lama-kelamaan akan mempunyai ciri-ciri yang sama dengan air zamzam. **A**

